KEPERLUAN PENGHAYATAN NILAI DALAM PEMBANGUNAN AKHLAK DAN MORAL PELAJAR[1]

Abstract: Dalam perkembangan kini, masalah gejala sosial dan disiplin pelajar didapati semakin hari semakin serius. Masyarakat sering membincangkan tentang masalah gejala sosial terutama dalam kalangan remaja khususnya para pelajar di sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Rentetan daripada isu ini, satu persoalan yang amat berkait dengan permasalahan ini ialah penghayatan dan amalan nilai murni dalam kalangan pelajar kini. Oleh itu, kertas kerja ini akan mengemukakan satu diskusi awal dalam beberapa aspek yang berkaitan antaranya; definisi dan konsep nilai; perkaitan kefahaman, penghayatan dan amalan nilai murni; konsep penghayatan nilai murni; keperluan pengukuran penghayatan nilai murni dan ulasan kajian-kajian berkaitan dengan penghayatan nilai murni untuk dikongsi bersama dan percambahan minda.

Kata Kunci: *Penghayatan Nilai Murni; Akhlak; Moral; Masalah Gejala Sosial; Pelajar*

Mohamad Khairi Haji Othman

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia

m_khairi@uum.edu.my

Pendahuluan

Salah satu cabaran negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Bagi merealisasi–kan aspirasi negara, kemantapan dan kemurnian sistem pendidikan negara merupakan asas penting. Hasrat ini terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan keper–cayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

[1] Kertas Kerja ini dibentangkan pada Seminar Internasional Pendidikan Islam di Hotel Utami, kerjasama Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan IAIN Sunan Ampel Surabaya dan Universiti Utara Malaysia, 1-2 Julai 2013.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Begitu juga dalam Pelan Pemba–ngunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut menterjemahkan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merenca–nakan pendidikan seimbang sebagai asas mencapai aspirasi murid. Antara elemen utama untuk mencapai aspirasi murid yang ditekankan ialah aspek sahsiah, nilai dan kerohanian. Bagi memenuhi aspek ini pelajar perlulah mempunyai pegangan agama yang kuat dan penghayatan nilai yang tinggi serta mendukung standard moral yang tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025).

Namun begitu, gejala sosial yang berlaku dalam kalangan remaja semakin meningkat dan berleluasa serta membim–bangkan banyak pihak (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2009; Ab. Rahman Ismail, 2008; Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri, 2007; Amaludin Ab. Rahman & Khadijah Alavi, 2007). Keadaan ini menimbulkan pelbagai pandangan dan persepsi masyarakat terhadap sejauh mana kefahaman, penghayatan dan amalan akhlak, moral dan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar. Beberapa kajian mendapati kurangnya pengeta–huan akhlak dan kefahaman moral, penghayatan nilai murni yang tidak be–gitu menonjol, amalan nilai murni berada di tahap sederhana dan penghayatan akhlak yang lemah (Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail, 2002; Asmawati Suhid et al., 2001; Zakaria Kasa et al., 1996; Ab. Rahman Mahmud & Amidin Zin,2003; Sarimah Mokhtar et al., 2011).

Salah satu punca timbul masalah tersebut yang sering dikaitkan ialah ku–rangnya penekanan ke atas penghayatan nilai-nilai murni dalam kehidupan (Mumtazah Othman & Nurizan Yahaya, 2009). Ketiadaan penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat menyebabkan perilaku mereka menjurus ke arah negatif (Mohd Zamani Ismail & Fatimi Hanafi, 2006). Justeru, pelbagai pihak seperti pakar pendidikan dan kerajaan melahir–kan kebimbangan terhadap keberkesanan penerapan nilai di sekolah ke arah membentuk generasi akan datang (Wan Mohd Zahid Mohd. Noordin, 1993; Hi–shamuddin Hussein Onn, 2005; Abdullah Ahmad Badawi, 2005a).

Sesungguhnya penampilan manusia yang berakhlak dan bermoral merupakan sesuatu yang diharapkan oleh masya–rakat. Tanpa ada pengetahuan, kefaha–man dan penghayatan tentang akhlak dan nilai murni sudah tentu ia amat sukar untuk diamalkan dalam kehidupan. Dalam hal ini, para pelajar perlu mem–punyai pengetahuan, kefahaman dan penghayatan yang mantap terhadap akhlak dan nilai murni. Justeru, dalam kertas kerja ini penulis akan membin–cangkan beberapa aspek yang berkaitan antaranya; definisi dan konsep nilai; konsep penghayatan nilai murni; per–kaitan kefahaman, penghayatan dan amalan nilai murni dan keperluan pengukuran penghayatan nilai murni. Seterusnya penulis juga akan mengemu–kakan ulasan hasil beberapa kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pengha–yatan nilai murni.

Definisi dan Konsep Nilai

Pelbagai definisi dan konsep nilai yang telah diketengahkan oleh tokoh-tokoh daripada pelbagai bidang. Secara umum, nilai boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu nilai estetik dan etika (Swadener & Soedjadi, 1988). Nilai estetik adalah nilai tentang keindahan atau kecantikan sesuatu objek, manakala nilai etika pula ialah nilai terhadap sesuatu objek sama ada baik ataupun buruk, khususnya berkaitan dengan perlakuan.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Perbincangan dalam penulisan ini lebih memfokuskan kepada aspek nilai etika. Secara amnya nilai ialah sesuatu yang dikira baik seperti kasih sayang, baik hati, kepuasan hati, keseronokan, kejujuran, kesopanan, ketenangan dan keseder–hanaan (Jules Henry dalam Abd. Rahim Abd. Rashid, 1993).

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1980) menjelaskan bahawa konsep nilai berkaitan dengan keperibadian mulia, etika, norma, tabiat dan moral yang semuanya ini diletakkan di bawah satu konsep iaitu adab. Adab bermaksud disiplin rohani, akal dan jasmani yang membolehkan individu dan masyarakat untuk mengenal dan meletakkan setiap sesuatu pada tempatnya yang betul dan wajar sehingga membentuk keharmonian dan keadilan dalam diri, masyarakat dan persekitaran (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1980).

Sementara itu, Abd. Rahim Ahmad (1990) menjelaskan nilai merupakan indeks atau petunjuk yang penting untuk mengkaji dan menentukan prestasi indi–vidu, kelompok masyarakat dan budaya kerana nilai merupakan suatu unsur budaya yang diperlihatkan secara eks–plisit dan implisit terhadap pilihan-pilihan, tindak balas, penghargaan dan penghayatan. Oleh itu, Abd. Rahim Abd. Rashid (1993) menjelaskan nilai sebagai penentu dalam diri manusia dan sete–rusnya mempengaruhi pilihannya dalam kehidupan dan menentukan tingkah lakunya. Manakala Nik Azis Nik Pa (2008) secara ringkasnya merumuskan konsep nilai ialah pelbagai idea dalam domain afektif, kognitif dan rohani seperti kepercayaan, konsepsi, sikap, motivasi, emosi, kecenderungan, keperi–badian mulia, etika, estetika, norma, moral dan adab.

Dari perspektif barat, definisi nilai yang popular dipelopori ialah Rokeach (1973). Menurut Rokeach (1973) nilai ialah suatu jenis kepercayaan bagaimana seseorang sepatutnya atau tidak sepa–tutnya berkelakuan sebegitu rupa atau tentang sesuatu matlamat yang perlu dan ia disusun dalam bentuk sistem nilai. Sementara, Allport (1961) berpendapat bahawa nilai ialah kepercayaan yang mengakibatkan manusia memilih sesuatu corak tingkah laku. Selain itu, Halstead (1996) mendefinisikan nilai sebagai prin–sip, keyakinan asas, ideal, standard atau pendirian hidup yang berperanan sebagai panduan umum kepada tingkah laku atau sebagai titik rujukan dalam mem–buat keputusan atau menilai kepercayaan atau tindakan.

Begitu juga Halstead dan Taylor (2000) mentakrifkan nilai sebagai prinsip dan pegangan asas yang berperanan sebagai panduan umum kepada tingkah laku, kepercayaan yang bertahan lama tentang apa yang dianggap berharga, ideal yang ingin dicapai oleh seseorang dan standard dalam mana kepercayaan dan tindakan khusus dipertimbangkan sebagai baik atau diidamkan. Selanjutnya, Lickona (1992) menyatakan nilai adalah berkaitan dengan moral dan keperibadian mulia merangkumi aspek pengetahuan moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Raths, Harmin dan Simon (1978) mensimpulkan nilai sebagai garis pan–duan umum terhadap tingkah laku. Garis panduan ini memberikan satu arah ke–pada kehidupan seseorang atau anggota sesuatu masyarakat.

Rumusannya, definisi dan konsep nilai ialah sebagai panduan utama ke–pada perlakuan manusia menuju ke arah pembentukan personaliti atau peribadi manusia yang seimbang berasaskan haki–kat bahawa manusia adalah insan berakal

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

yang boleh berfikir dengan rasional (Sufean Hussin 1989). Nilai yang baik sahaja yang patut dimiliki dan diterima secara sejagat untuk dijadikan kriteria pemisah kepada nilai yang tidak bermoral (Abdul Rahman Md. Aroff, 1986).

Perkaitan Kefahaman, Penghayatan dan Amalan Nilai Murni

Pengetahuan dan kefahaman nilai murni akan menimbulkan kesedaran dan penghayatan kepada pelajar tentang pelbagai isu moral yang seterusnya menguasai dan mempengaruhi amalan dan tindakan seseorang (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001). Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) pengetahuan dan nilai merupakan asas penting dalam membina kekuatan intelektual dan moral manusia. Tajul Ariffin Noordin dan Nor' Aini Dan (2002) juga menjelaskan untuk mem–bentuk akhlak, etika dan nilai murni yang baik seseorang perlu menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik tentang nilai. Lantaran itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) telah menggariskan antara ciri-ciri rakyat Malaysia yang berakhlak mulia ialah mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai baik dan buruk, mempunyai kese–daran tentang kesan daripada perbuatan yang baik dan buruk, mempunyai keyakinan terhadap nilai-nilai murni, menghayati segala nilai mulia yang me–rangkumi nilai-nilai kerohanian, kema–nusiaan dan kewarganegaraan dan seterusnya mengamalkan perlakuan yang baik dan menghindari perlakuan yang buruk. Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) menegaskan bahawa walaupun pengetahuan tentang nilai diperlukan, ia mesti diperkukuhkan dengan kesedaran, keyakinan, penghayatan dan amalan. Ini hanya dapat dilaksanakan apabila sekolah yang dianggap sebagai "institusi yang menyedarkan nilai" yang terbaik dapat menyediakan peluang yang men–cukupi untuk pelajar menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni tersebut (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990).

Seterusnya, Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) menjelaskan bahawa pengetahuan dan kefahaman nilai akan menimbulkan kesedaran dan penghayatan dan sete–rusnya akan membentuk sikap, amalan dan tindakan. Ini jelas dapat dilihat seperti rajah 1.1 :



Rajah 1.1 : Hubungan pengetahuan, penghayatan dan amalan nilai
(Sumber : Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001)

Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) turut menjelaskan bahawa dengan pengeta–huan dan kefahaman nilai yang baik dan mantap tentang sesuatu perkara se–seorang dapat bertindak dengan waras dan bijaksana dalam menangani masalah yang dihadapi seterusnya dapat mem–bentuk sikap, amalan dan tindakan yang baik. Asas ini juga dapat dilihat daripada penyataan Asmawati Suhid, Rahil Mah–yuddin dan Abdul Rahman Md. Arroff (2001) yang menjelaskan untuk memiliki dan mengamalkan nilai moral serta mengenali diri sendiri sama ada bermoral atau tidak seseorang perlu memahami dengan tepat konsep moral.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Merujuk rajah 1.1 di atas juga dapat dijelaskan bahawa aspek penghayatan pula akan memberi kesan yang menda–lam dan membolehkan seseorang me–nguasai kemahiran, pengetahuan dan meningkatkan kekuatan minda. Pengha–yatan tentang nilai-nilai kemanusiaan khususnya nilai murni dan nilai estetika dipercayai akan dapat membentuk kehalusan jiwa dan perasaan manusia (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001). Justeru, memupuk nilai-nilai murni yang baik melalui penghayatan dan amalan perlu ditekankan dalam pendidikan dan pembelajaran sosial di sekolah.

Kalau diperhatikan hari ini banyak daripada amalan dan proses pendidikan yang menyumbang ke arah pembentukan nilai dalam diri generasi muda semakin berkurangan (Khadijah Rohani Mohd Yunus, 2008). Pendidikan hari ini terlalu memfokuskan kepada kejayaan akademik yang menyebabkan pendidikan afektif diabaikan (Khadijah Rohani Mohd Yu–nus, 2008). Selain itu, keadaan berkaitan dengan kepincangan nilai generasi kini jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Hishamuddin Hussein Onn (2005) selaku Menteri Pelajaran Malaysia seperti be–rikut:

> Hari ini kita jarang-jarang dapat melihat warga tua dipimpin oleh anak-anak muda untuk melintas jalan. Kita juga sudah ketandusan budaya sapa menyapa, kurangnya rasa hormat-menghormati, tidak menghargai harta benda awam dan tidak mengutamakan kepada kebersihan. Keadaan ini jika dibiarkan, lama-kelamaan akan merosakkan tamadun dan mencemarkan budaya bangsa yang kaya dengan budi pekerti serta nilai-nilai murni yang tinggi (Hishamuddin Hussein Onn, 2005 :hlm. 3).

Berdasarkan kerangka model Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.1 dan isu yang diketengahkan menunjukkan bahawa aspek penghayatan merupakan satu elemen penting yang mempengaruhi amalan dan tindakan seseorang dan ia perlu dikaji terhadap golongan pelajar sekarang ini, kerana permasalahan gejala sosial yang semakin meruncing dan kepincangan nilai yang wujud seperti yang telah dibincangkan di atas. Ketia–daan penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat menyebabkan perilaku mereka menjurus ke arah negatif (Fatimi Hanafi & Mohd Zamani Ismail, 2006). Oleh itu, kajian tentang penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar semakin penting dewasa ini bagi menjelaskan status tahap penghayatan nilai murni pada masa kini secara empirikal.

Selain itu, aspek penghayatan pen–ting dikaji kerana dalam domain afektif yang terdiri daripada aspek sikap, perasaan, emosi dan penghayatan, ele–men penghayatan berada pada tahap tertinggi dimana pelajar cuba memberi maklum balas, menilai dan meng–organisasi nilai (Krathwohl, Bloom & Masia, 1964). Begitu juga pandangan Bloom (1979) dalam taksonomi Bloom aspek pengetahuan dan kefahaman ada–lah aras bawah untuk diuji dan dikaji. Oleh itu, aspek penghayatan wajar dikaji kerana ia merangkumi aras yang lebih tinggi iaitu dengan menggabungkan aras aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian (Bloom, 1979). Menurut Sidek Baba (2006) aspek penghayatan merupakan peringkat terakhir dalam proses pembelajaran. Peringkat ini adalah peringkat paling penting kerana beliau berpandangan tan–pa peringkat akhir ini, pembelajaran sebenarnya tidak berlaku. Pada peringkat ini pelajar sepatutnya berupaya meng–aplikasi semua ilmu yang dipelajari dalam konteks menjalani kehidupan sehariannya (Sidek Baba, 2006). Oleh itu,

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

dengan adanya penghayatan ilmu khu–susnya penghayatan nilai murni akan dapat mengurangkan berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja kerana mereka telah mengaplikasi ilmu dan as–pek nilai murni dengan sebenarnya.

Konsep Penghayatan Nilai Murni

Penghayatan adalah perihal kepada kata kerja menghayati. Istilah ini menjelaskan terdapatnya perlakuan ter–tentu yang dilaksanakan sehingga me–ninggalkan kesan kepada jiwa. Ini menunjukkan bahawa sekiranya sesuatu perlakuan dilaksanakan tetapi tidak meninggalkan kesan kepada jiwa maka perlakuan itu belum dihayati (Azma Mahmood, 2006).

Dari segi konsep, penghayatan ialah pemanduan sikap, kepercayaan, nilai-nilai, pendapat dan lain-lain ke dalam syakhsiah (personaliti) seseorang (Hassan Langgulung, 1987). Ia merupakan satu bentuk pengakuran di mana penghayatan nilai atau kepercayaan merupakan pengaruh sosial yang paling kekal dan paling berakar. Ini adalah kerana moti–vasi untuk menghayati nilai atau keper–cayaan tertentu tertanam di dalam diri seseorang dan berkait dengan keinginan untuk memperolehi kebenaran (Hassan Langgulung, 1987). Manakala Nik Azis Nik Pa (2007) menjelaskan penghayatan merujuk kepada aspek menjadikan sesuatu perkara sebagai amalan seharian atau satu tabiat.

Dari perspektif psikologi sosial dan falsafah barat, pandangan Ryan, Connell dan Grolnick (1992) serta Grusec dan Goodnow (1994) turut menjelaskan ba–hawa penghayatan ialah kepercayaan, sikap atau peraturan tingkah laku dari sumber luar yang secara beransur-ansur mengubah peraturan-peraturan dari luar itu ke dalam sifat-sifat dan nilai-nilai peribadi seseorang. Grusec dan Goodnow (1994) dan Hoffman (2000) menjelaskan lagi bahawa penghayatan nilai ialah sikap diri sendiri dalam tingkah laku sosial yang dilakukan adalah berdasarkan motivasi intrinsik. Ini turut diperkatakan oleh Young (1995) yang menyatakan penghayatan nilai diperhatikan apabila kelakuan yang diterima digenerasikan dari faktor intrinsik dan bukan dari faktor akibat-akibat luar. Ryan, Rigby dan King (1993) menerangkan bahawa penghaya–tan sebagai suatu proses iaitu *"...through which an individual transform a formerly externally prescribed regulation or value into an internal one"*. Ini bermakna, individu mengambil nilai yang diterap sebagai nilai peribadinya.

Penghayatan adalah salah satu pro–ses jenis pembelajaran (Hassan Langgu–lung, 1987) iaitu pembelajaran dalam konteks sosial, di mana manusia atau perkara-perkara tertentu menjadi perang–sang bagi seseorang untuk mengamalkan atau menghayati nilai-nilai tertentu (Hassan Langgulung, 1987). Fungsi uta–ma pendidikan pada zaman dahulu ialah pemindahan nilai-nilai dari generasi tua ke generasi muda agar identiti suatu masyarakat terpelihara (Hassan Langgu–lung, 1987). Oleh itu fungsi pendidikan pada zaman sekarang juga ialah ber–tujuan pemindahan nilai-nilai. Yang berbeza hanyalah kaedah dan teknologi pemindahan itu yang berbeza, dimana sekarang penggunaan komputer dan media massa nilai-nilai dipindahkan secara besar-besaran (Hassan Langgu–lung, 1987).

Aspek penghayatan nilai murni me–rangkumi nilai-nilai kerohanian, kema–nusiaan dan kewarganegaraan (Nik Azis Nik Pa, 1994). Penghayatan nilai-nilai murni merupakan satu faktor utama yang

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

boleh memastikan pembentukan kesefa–haman dan kesepaduan dalam mentaf–sirkan dan merealisasikan wawasan 2020 (Nik Azis Nik Pa, 1994). Menurut Nik Azis Nik Pa (1994) penghayatan nilai-nilai murni menjadi faktor utama kerana kemajuan kebendaan tanpa nilai-nilai moral dan etika tidak akan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian yang berkekalan, tetapi sebaliknya banyak membawa keburukan dan kezaliman.

Malah penghayatan nilai-nilai murni merupakan faktor penghalang dalaman untuk tidak menyalahgunakan kepinta–ran, kemahiran, kedudukan atau keka–yaan yang dimiliki (Nik Azis Nik Pa, 1994). Penghayatan nilai-nilai murni boleh menjadi benteng kepada amalan-amalan buruk seperti penyelewengan, kejahilan, kecuaian dan kezaliman (Nik Azis Nik Pa, 1994). Nik Azis Nik Pa (2007) turut menjelaskan faktor pengha–yatan ilmu dan amal yang rendah menyebabkan jurang antara mengetahui dan mengamalkan.

Penghayatan adalah bersangkutan dengan tindakan menjiwai ilmu dan iman sehingga diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan tingkah laku (Nik Azis Nik Pa, 2007). Maka penghayatan daripada sudut akhlak atau nilai murni menuntut seseorang itu memahami dan meng–amalkan banyak daripada akhlak mulia dan nilai-nilai murni yang baik (Fathi Yakan, 1985). Antara akhlak mulia dan nilai murni yang baik yang dianjurkan untuk dihayati oleh insan ialah malu, bersangka baik, benar, sabar, menjaga pandangan dan lidah dan sebagainya.

Penghayatan nilai boleh dididik melalui disiplin, pengajaran, contoh atau model, pengukuhan sosial dengan tingkah laku yang sesuai dan persekí–taran yang sesuai yang boleh membentuk tingkah laku (Young, 1995). Pelajar perlu digalakkan mencontohi dan meng–amalkan nilai-nilai yang baik sebagai satu penghayatan keterampilan diri dan kualiti warganegara yang baik serta prihatin terhadap soal-soal kehidupan dan pembinaan diri (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001).

Berdasarkan perbincangan konsep penghayatan nilai ini dapatlah diru–muskan bahawa penghayatan nilai merupakan suatu tingkah laku yang sudah sebati dalam diri seseorang dan dilakukan seecara berterusan. Ia lahir bukan akibat tekanan emosi atau desakan luar seperti paksaan tetapi ia muncul daripada aspek kejiwaan. Oleh itu, penghayatan akhlak dan nilai murni boleh digambarkan melalui tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang (Mansor Abd. Kadir, 1997).

Keperluan Pengukuran Penghayatan Nilai Murni

Menurut Sufean Hussin (1989) nilai adalah sesuatu yang boleh diukur. Ini jelas berdasarkan apa yang juga dikatakan oleh Sufean Hussin (1989) ba–hawa apa sahaja benda dan ciri-ciri benda atau tingkah laku, perangai dan tindakan manusia boleh diukur dan diberi nilai. Pengukuran dan penilaian sememangnya dibuat secara realtif, iaitu dengan cara membandingkan sesuatu benda dengan benda-benda lain (Sufean Hussin, 1989).

Sufean Hussin (1989) juga menjelas–kan bahawa matlamat pengajaran dan pembelajaran nilai-nilai murni atau nilai-nilai intrinsik kemanusiaan ialah untuk membentuk jiwa, rohani, sikap dan pemikiran murid-murid yang cinta akan kedamaian dan kesejahteraan, bertang–gungjawab dalam menjalani kehidupan

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

serta insaf tentang kedudukan dan keadaan mereka sebagai makhluk. Terdapat dua matlamat pengukuran dan penilaian nilai di dalam pengajaran iaitu 1) untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi murid-murid membina dan mempunyai nilai-nilai negatif. Dimana pengetahuan ini membolehkan guru-guru cuba mengatasi faktor-faktor negatif itu, dan 2) untuk merancang strategi-strategi pengajaran yang berkesan bagi memudahkan proses pembentukan, perubahan, penerapan dan pengukuhan nilai-nilai murni. Perancangan strategi-strategi pengajaran mengambil kira latar belakang agama, bangsa dan sosial murid-murid (Sufean Hussin, 1989)

Selanjutnya Sufean Hussin (1989) menjelaskan ada beberapa sebab mengapa pengukuran dan penilaian aspek afektif perlu dilakukan di sekolah-sekolah kerana 1) aspek afektif mempengaruhi kebolehan individu turut serta dengan berkesan dalam aktiviti-aktiviti masyarakat demokratik. Oleh itu, pembinaan nilai, sikap dan dorongan yang 'murni' diperlukan supaya murid-murid dapat memainkan peranan masing-masing dalam pembangunan institusi-institusi sosial, 2) pembentukan kemahiran-kemahiran hidup berkait rapat dengan pemerolehan atau penerapan sikap dan nilai yang penting untuk kehidupan yang sihat dan sejahtera dan, 3) aspek afektif mempengaruhi pembelajaran, apabila interaksi pembolehubah afektif guru dan murid mempengaruhi perkembangan dan kadar pencapaian matlamat-matlamat pengajaran-pembelajaran di dalam bilik darjah.

Menurut Sufean Hussin (1989) penilaian dalam konteks penerimaan dan penerapan nilai-nilai, khususnya nilai-nilai murni pada murid-murid dalam konteks ini membabitkan darjah pengangan nilai atau penghayatan nilai dan darjah pemerolehan nilai-nilai baru pada murid-murid. Penilaian dan pertimbangan nilai di dalam bilik darjah hanya bercorak diagnostik sahaja, iaitu bagi tujuan menyusun strategi-strategi pengajaran bagi proses perubahan nilai pada murid-murid. Oleh itu, penilaian dalam konteks ini tidak menyentuh penilaian objektif pengajaran dan pembelajaran nilai. Penilaian pencapaian objektif-objektif pengajaran dan pembelajaran nilai bukanlah satu perkara mudah kerana aspek afektif bukan sahaja dipelajari secara formal tetapi juga dalam situasi tidak formal seperti interaksi dengan keluarga, sosial dan objek-objek dalam alam sekitar. Pemerolehan nilai-nilai baru ataupun perubahan nilai-nilai pada murid-murid bukanlah hanya boleh dikatakan berpunca akibat daripada pembelajaran dan interaksi formal. Jadi, pengukuran penghayatan nilai murni yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah untuk menjelaskan petunjuk kepada kepositifan atau kenegatifan nilai-nilai pegangan murid-murid dan juga darjah pegangan atau penghayatan nilai-nilai berkenaan (Sufean Hussin, 1989). Begitu juga apa yang dijelaskan oleh Krathwohl (dalam Abd. Rahim Abd.Rashid, 1993) penilaian dalam domain afektif adalah berasaskan pembatinan atau penghayatan sesuatu set nilai. Kesan pembelajaran dalam bidang ini adalah berkaitan dengan tingkah laku yang lebih konsisten dan stabil bagi menjadikan sesuatu nilai lebih jelas ditunjukkan. Sementara itu, Jamiah *et al.* (2004) menjelaskan bahawa terdapat beberapa prinsip yang perlu ada dalam mengukur penghayatan keagamaan (*religiosity*) seseorang. Prinsip-prinsip tersebut ialah penilaian tersebut adalah (a) berasaskan aspek zahir sahaja, (b) pengukuran boleh dibuat namun

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

pengukuran sebenar yang paling tepat adalah hak di sisi Allah, (c) pengukuran penghayatan keagamaan adalah berasas–kan kepada manifestasi iman, Islam dan ihsan.

Berdasarkan kupasan tentang aspek pengukuran dan penilaian nilai yang dinyatakan diatas jelas menunjukkan bahawa aspek ini perlu dilihat. Ini penting kerana menurut Tajul Ariffin Noordin dan Nor' Aini Dan (2002) wajah, rupa dan jiwa generasi abad ke 21 amat bergantung pada sejauh mana aspek moral dan akhlak dihayati. Pada panda–ngan penulis didapati masih belum banyak kajian yang meneliti aspek pengukuran nilai yang diterapkan oleh guru dalam pengajaran samada dalam konteks penerimaan pelajar dari sudut pegangan atau penghayatan nilai. Oleh itu, ini membuka ruang kepada penulis atau mana-mana pengkaji untuk menin–jau aspek pengukuran nilai dari sudut penerimaan pelajar dalam konteks penghayatan nilai murni sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Sufean Hussin (1989).

Ulasan Kajian-kajian Berkaitan Penghayatan Nilai Murni

Analisis literatur mendapati terdapat kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji untuk mengenal pasti aspek kefahaman dan penghayatan nilai murni. Namun hasil tinjauan didapati masih terdapat kekurangan yang perlu dibaiki dalam kajian berkaitan penghayatan nilai murni. Seterusnya pengkaji mengemu–kakan beberapa dapatan kajian yang berkaitan dengan aspek pemahaman atau penghayatan nilai murni pelajar. Anta–ranya, Yahya Buntat dan Rozita Sanapi (2003) telah menjalankan satu kajian meninjau secara khusus tentang tahap penghayatan nilai-nilai murni di kala–ngan pelajar-pelajar sarjana muda tekno–logi serta pendidikan semasa menjalan–kan kerja amali bengkel. Kajian berbentuk deskriptif ini melibatkan sampel seramai 92 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun satu dan tahun tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Data diperolehi me–lalui soal selidik yang diedarkan kepada semua sampel yang terlibat. Hasil kajian mendapati para pelajar tersebut mem–punyai tahap penghayatan yang tinggi dan bersikap positif. Bagaimanapun, beberapa aspek nilai-nilai murni didapati mendapat peratus penghayatan yang rendah dan perlu diberi perhatian semasa proseses pembelajaran dijalankan. Oleh itu, Yahya Buntat dan Rozita Sanapi (2003) mencadangkan agar pelajar-pelajar diharapkan mengamalkan dan meng–hayati sepenuhnya nilai-nilai murni di dalam kehidupan seharian. Para pen–syarah dan tenaga pengajar hendaklah membuat penilaian terhadap seseorang pelajar tidak hanya berdasarkan kepada pencapaian yang cemerlang di dalam akademik tetapi juga mengambil kira sikap dan personaliti mereka sepanjang pengajian.

Berdasarkan, kajian Yahya Buntat dan Rozita Sanapi (2003) dari aspek instrumen penghayatan nilai murni yang digunakan tidak dinyatakan kesahan dan kebolehpercayaan. Selain itu, instrumen yang mengukur penghayatan tidak dike–mukakan item-item bagi setiap konstruk. Dari aspek dapatan, kajian ini hanya menyatakan tahap penghayatan nilai murni mengikut jantina dan tahun pengajian. Pengkaji tidak menyatakan samada terhadap perbezaan penghayatan berdasarkan jantina dan tahun pengajian. Oleh itu amatlah lebih sesuai dan ber–makna kiranya kajian-kajian akan datang menentukan adakah terdapat perbezaan

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

penghayatan nilai murni berdasarkan beberapa ciri demografi yang dipilih.

Zakaria Kasa *et al.* (1994) telah men–jalankan kajian di 18 buah SMKA. Fokus kajian mereka ialah aspek pemahaman guru dan pelajar tentang konsep akhlak, penghayatan nilai murni dan penyele–saian masalah moral oleh guru dan pelajar, dan tahap taakulan moral dalam kalangan guru dan pelajar. Kajian ini melibatkan 546 guru dan 650 pelajar SMKA. Kajian menunjukkan secara kese–luruhan guru dan pelajar dalam kategori 'menghayati' sahaja terhadap kesemua 16 nilai. Bagi pelajar, pembolehubah latar belakang jumlah tugas yang dipertang–gungjawab kepada mereka di sekolah, penglibatan mereka dalam pendidikan luar dan tahap bacaan Al-Quran mereka, didapati mempunyai hubungan yang sig–nifikan dengan pemahaman konsep akh–lak dan penghayatan keseluruhan nilai murni. Bagi guru, pemboleh ubah latar belakang umur mereka dan jumlah guru di sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghayatan keseluru–han nilai murni. Dalam pengajaran akh–lak, aspek emosi moral di dapati paling kurang diberi penekanan berbanding dengan penaakulan dan tingkah laku moral. Di dapati tahap taakulan moral kalangan pelajar ialah 62.5% dan guru ialah 69.9% berada pada tahap taakulan kedua iaitu peringkat konvensional.

Kajian Zakaria Kasa *et al.* (1994) lebih memfokuskan aspek pengajaran akhlak dengan pemahaman konsep akhlak dan penghayatan nilai murni. Pengkaji hanya mengenal pasti hubungan latar belakang guru dan pelajar dengan penghayatan nilai murni. Manakala sampel kajiannya hanya melibatkan guru-guru dan pelajar-pelajar SMKA sahaja. Oleh itu, ia tidak dapat memberi gambaran yang menyelu–ruh aspek penghayatan nilai murni kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan. Maka, satu kajian lain adalah perlu yang mungkin melibatkan sekolah menengah kebangsaan harian di Malaysia yang berbeza lokasi untuk melihat perbezaan dan perbandingan penghaya–tan nilai murni. Ini juga disarankan oleh kumpulan pengkaji Zakaria Kasa *et al.* (1994) dalam cadangan kajian lanjutan. Zakaria Kasa *et al.* (1994) juga menca–dangkan agar satu kajian lain perlu dija–lankan untuk menentukan faktor yang mempengaruhi penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar. Justeru, penulis merasakan perlu dikaji adakah aspek pelaksanaan penerapan nilai murni da–lam pengajaran guru serta adakah faktor-faktor sosial mempengaruhi penghayatan nilai murni pelajar.

Kajian Nik Zaharah Nik Yaakob (2007) juga ada menyentuh tentang aspek penghayatan nilai-nilai murni. Dapatan secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap penghayatan nilai murni kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen ada–lah sama sebelum dan selepas rawatan. Analisis bagi setiap konstruk nilai yang diuji (baik hati, kesederhanaan, rasional, kesyukuran dan keadilan) juga menun–jukkan tidak ada peningkatan skor min (ujian pos – ujian pra) bagi kedua kumpulan untuk kesemua konstruk nilai. Di dapati tahap penghayatan nilai kedua-dua kumpulan untuk nilai baik hati, sederhana, rasional dan kesyukuran ada–lah tinggi manakala tahap sederhana bagi nilai keadilan. Analisis statistik juga me–nunjukkan tiada perbezaan yang signi–fikan dalam skor min untuk tahap peng–hayatan nilai murni. Ini menunjukkan bahawa pengajaran menggunakan modul memberikan kesan yang sama dari segi peningkatan penghayatan nilai murni dengan pengajaran menggunakan kaedah tradisional.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Walaubagaimanapun, kajian Nik Za–harah Nik Yaacob (2007) hanya menum–pukan lima nilai murni, oleh itu ia tidak dapat menggambarkan secara keselu–ruhan aspek nilai murni seperti yang digariskan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu sebanyak 17 nilai murni (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005). Kajian Nik Zaharah (2007) pula menumpukan hanya mata pelajaran Sains, oleh itu satu keperluan untuk melihat bagi mata pelajaran lain khu–susnya mata pelajaran teras peringkat sekolah menengah atas bagi mengenal pasti hubungan amalan dan pelaksanaan penerapan nilai kalangan guru bagi beberapa mata pelajaran dengan pengha–yatan nilai murni kalangan pelajar. Kajian Nik Zaharah Nik Yaakob (2007) juga mencadangkan perlu satu kajian lain bagi membina instrumen pengukuran nilai yang masih belum ada dan mantap. Oleh itu penulis merasakan kajian lain perlu bagi memberi sumbangan yang lebih bermakna dalam membentuk instrumen pengukuran nilai yang dapat digunakan oleh pengkaji lain pada masa hadapan.

Sementara itu, Azhar Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2005) telah mengkaji tentang tahap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah mendapati secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana tinggi. Kajian tinjauan tersebut juga telah mengenal pasti pola penghayatan akhlak yang agak tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah dapat dikaitkan dengan faktor akidah dan amalan ibadah yang memang sudah menjadi budaya dalam masyara–kat. Walau bagaimanapun, kajian tersebut juga mendapati bahawa penghayatan akhlak pada dimensi tertentu seperti menunaikan ibadat solat lima waktu, pendedahan aurat, melakukan hubungan seks dan meminum arak menunjukkan tahap penghayatan yang amat membim–bangkan khususnya apabila melibatkan golongan remaja yang masih berada di bangku sekolah.

Al-Hooli dan Al-Shammari (2009) pula telah menjalankan kajian berkaitan tajuk pengajaran dan pembelajaran nilai-nilai moral melalui kurikulum *kinder–garten*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji nilai-nilai moral kanak-kanak peringkat umur *kindergarten* di Kuwait. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan kualitatif yang melibatkan 600 kanak-kanak dan 11 guru di 6 buah sekolah daerah di Kuwait. Instrumen soal selidik *Kindergarten Moral Values* (KMVQ) telah digunakan dan ditadbirkan di semua sekolah 6 daerah yang terlibat. Nilai-nilai moral yang difokuskan oleh pengkaji ialah sebanyak lapan nilai iaitu kebena–ran, kejujuran, kesyukuran, kesetiaan, kewarasan berfikir, keadilan, penyayang dan kesabaran. Kajian mendapati lebih 50% pelajar menunjukkan penghayatan yang tinggi bagi setiap lapan dimensi nilai yang dikaji. Dapatan menunjukkan nilai penyayang, diikuti nilai bersyukur, nilai kejujuran, nilai kebenaran, nilai kesabaran, nilai kesetiaan, nilai kewara–san fikiran dan keadilan adalah nilai-nilai yang dihayati mengikut urutan kepen–tingannya.

Berdasarkan tinjauan kajian-kajian yang dilakukan tentang aspek pemaha–man, penghayatan dan amalan nilai murni pelajar didapati pelbagai ukuran yang digunakan dan kebanyakan kajian dijalankan secara kuantitatif dengan pengedaran soal selidik. Dari segi peng–hayatan nilai murni menunjukkan dapatan yang tidak konsisten. Oleh itu, wajar satu kajian terkini untuk mengenal pasti status penghayatan nilai murni khusus pelajar-pelajar sekolah menengah. Begitu juga aspek pengukuran aspek

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

penghayatan nilai murni yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas tidak kon–sisten ada yang mengkaji 16 nilai murni dan 5 nilai murni. Oleh itu, amat berse–suaian dan berketepatan satu kajian meninjau 17 nilai murni seperti yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Ku–rikulum (2005) kerana masih belum ada kajian yang menelitinya sebelum ini.

Kesimpulan

Permasalahan gejala sosial dan disiplin pelajar yang didapati semakin hari semakin serius perlu diatasi segera. Pengetahuan, kefahaman dan pengha–yatan nilai murni adalah penting dalam menentukan sikap, amalan dan tindakan seseorang. Justeru, usaha mengenal pasti status salah satu elemen tersebut ter–utama aspek penghayatan nilai murni amatlah perlu. Ini penting bagi memper–baiki dan memantapkan amalan nilai murni pelajar yang kurang dihayati. Selain itu, usaha ini juga penting untuk pelbagai pihak merangka program-prog–ram pembentukan nilai murni yang bersesuaian bagi pembangunan akhlak dan moral pelajar. []

BIBLIOGRAFI

Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2002). Pendidikan akhlak dalam KBSM : persepsi pelajar terhadap konsep akhlak. *Prosiding wacana Pendidikan Islam (Siri 1) : Kurikulum bersepadu Pendidikan Islam menghadapi cabaran era globalisasi.* Bangi : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Rahman Mahmud & Amidin Zin. (2003, 19-20 Ogos). *Amalan nilai murni di kalangan pelajar : satu kajian di Terengganu Darul Iman*. Seminar Penyelidkan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan. Holiday Inn, Kuching, Sarawak.

Abd. Rahim Ahmad. (1990). Penerapan nilai-nilai murni. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.* Terbitan Jemaah Nazir Persekutuan Kementerian Pendidikan, 35 (75) : 12-15.

Abd. Rahim Abd Rashid. (1993). *KBSM* : *Pendidikan nilai merentasi kurikulum.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Rahman Md Aroff (1986). *Pengenalan Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Al-Hooli, A. & Al-Shammari, Z. (2009). Teaching and learning moral values through kindergarten curriculum. *Education*, Vol. 129 (3) : 382-399

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Allport, G.W.,(1961). *Pattern and Growth in personality*. New York : Holt, Rinehart and Winston. Inc.

Anuar Zaini. (2001, 23 – 25 Mei). Teks *Ucapan Naib Canselor Universiti Malaya Dalam Majlis Perasmian,* Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Ashraf, Syed Ali. (1985). *New horrizon in muslim education.* Cambridge : The Islamic Academy.

Asmawati Suhid, Rahyl Mahyuddin dan Abdul Rahman Mad Aroff. (2001, 23 – 25 Mei). *Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi terhadap Pendidikan Moral*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2005, 12-14 Julai). *Penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Laporan penyelidikan dibentangkan dalam Konvensyen Penyelidikan Maktab Perguruan Batu Lintang.

Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bloom, Benyamin S. (1979). *Taksonomy of Educational Objectives (The Clasification of Educational Goals) Handbook 1 Cognitive Domain*. London: Longman Group Ltd.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (1994). *Kamus dewan (edisi ketiga).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fathi Yakan. (1985). *Apa Ertinya Saya Menganut Islam.* Alias Othman (penterj.). Cetakan 4. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Fatimi Hanafi & Mohd. Zamani Ismail. (2006, 13-14 Jun). *Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.* Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajian Umum.

Halstead, M. (1996). Values and values education in school. Dlm J.M Halstead & M.J. Taylor (Eds.), *values in education and education in values* (hlm. 3-14). London : The Falmer Press.

Halstead, J.M & Taylor, M. (2000). Learning and teaching about values : A review of recent research. *Cambridge Journal of Education*, 30(2), 169-202.

Hassan Langgulung. (1987). Penghayatan nilai-nilai Islam ditinjau dari proses pembelajaran dalam konteks pendidikan masa kini. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2 (5): 13-30.

Hishamudin Tun Hussein Onn. (2005). *Kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni di sekolah peringkat kebangsaan. Ucapan Menteri Pelajaran Malaysia*, Sempena Pelancaran Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni di Sekolah, Peringkat Kebangsaan, 21 Jun 2005, di Sek. Keb. Putrajaya 2, Presint 9, Putrajaya. Dimuat turun pada 30 Jun 2009 dari http : http://www.moe.gov.my/webdwibahasa/pustaka_jbt_pdf/2005/21-06-05_Kempen_Budi_Bahasa_Di_Sekolah_Prgkt_Kbgsn.pdf

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Jamiah Hj. Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah & Hasnan Kassan. (2004, 24-27 Disember). *Prinsip pengukuran religiosity dan personality religiosity daripada perspektif Islam*. Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on Islamic Thought, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Khadijah Rohani Mohd Yunus. (2008, 24-25 Julai). *Pembentukan tingkahlaku pro sosial dan insan berkualiti.* Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Akhlak dan Moral. Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Krathwohl, D. R., Bloom, B. S., & Masia, B. B. (1964). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals. Handbook II: Affective Domain.* New York: David McKay Company, Inc.

Lickona, T. (1991). *Educating for character : How our schools can teach respect and responsibility.* New York.

Mansor Abd. Kadir. (1997, 13 November). Pembinaan sahsiah, disiplin dan kepimpinan pelajar SMKA. Seminar Kebangsaan SMKA: SMKA model pendidikan alaf baru. Institut Aminuddin Baki, Genting Highland.

Nik Azis Nik Pa. (1994). *Penghayatan wawasan pembangunan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Azis Nik Pa. (2007). Konsepsi tentang Cabaran dan Isu Kritikal dalam Pendidikan Islam. Dalam Nik Azis Nik Pa, Rahimi Md. Saad & Ahmad Zabidi Abd. Razak (editor). *Isu-isu Kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari* (halaman 1 – 33). Putrajaya : Yayasan Islam Hadhari.

Nik Azis Nik Pa. (2008). Kedinamikan pengertian nilai dalam penyelidikan dan pendidikan matematik. *Masalah pendidikan*, 31(1) : 59-75.

Nik Zaharah Nik Yaakob. (2007). *Kajian penerapan nilai murni menerusi pengajaran bermodul.* Tesis Ph.D. Univerisiti Kebangsaan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (1990). *Pukal latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah: Falsafah pendidikan negara.* Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR / KBSM.* Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.

Raths, L., Harmin, M., dan Simon, S. (1980). *Values and teaching*. Ohio : Charles B. Merrill.

Rokeach, M. (1973). *The nature of human values*. New York : Free Press.

Sufean Hussin (1989). *Pengajaran nilai dalam kurikulum*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Swadener, M. dan Soedjadi, R. (1988). Values, mathematics education, and the task of developing pupils' personalities : An Indonesian perspective. *Educational Studies in Educations*, 19, 193-208.

Syed Muhammad al-Naquib Al-Attas. (1980). *The concept of education in Islam.* Kuala Lumpur : ABIM.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Tajul Ariffin Nordin dan Nor'Aini Dan . (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusia: Pendekatan bersepadu.* Bangi: As-Syabab Media.

Yahya Buntat & Rozita Sanapi. (2003). Tahap penghayatan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar sarjana muda teknologi serta pendidikan semasa menjalankan kerja amali bengkel. *Jurnal Teknologi*, 39 (E) Disember : 63-76.

Young, M.E. (1995). A classroom application of Grusec and Goodnow's discipline model of internalization of values. *Education*, 115 (3): 405-406.

Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Rahil Hj. Mahyuddin, Mohd. Ibrahim Nazri, Muhamad Hassan Abd. Rahman, Abd. Rahman Hj. Raffiee, et al. (1994). *Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.* Laporan Penyelidikan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.

Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Mohd Isa, Rahil Hj. Mahyuddin. (1996). *Penerapan nilai murni merentas kurikulum : Satu Tinjauan.* Laporan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id